



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

1/44

BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/2025 : SEKILAS DATA



9

NEGERI



36

DAERAH



39,266

KELUARGA



131,461

MANGSA



691

PPS AKTIF



*4

KEMATIAN

* Data sehingga jam 12.00 tengah hari

PERLIS

Daerah : 1
PPS Aktif : 4
Keluarga : 147
Mangsa : 518

KEDAH

Daerah : 6
PPS Aktif : 52
Keluarga : 2421
Mangsa : 7899

KELANTAN

Daerah : 10
PPS Aktif : 280
Keluarga : 25464
Mangsa : 82460

TERENGGANU

Daerah : 8
PPS Aktif : 316
Keluarga : 10293
Mangsa : 37171

PERAK

Daerah : 1
PPS Aktif : 1
Keluarga : 7
Mangsa : 20

SELANGOR

Daerah : 1
PPS Aktif : 2
Keluarga : 105
Mangsa : 475

JOHOR

Daerah : 2
PPS Aktif : 9
Keluarga : 131
Mangsa : 438

NEGERI SEMBILAN

Daerah : 4
PPS Aktif : 21
Keluarga : 633
Mangsa : 2249

MELAKA

Daerah : 3
PPS Aktif : 6
Keluarga : 65
Mangsa : 231

PETUNJUK

Sempadan Negeri
 Sempadan Daerah

INDIKATOR MANGSA (ORANG)

1 – 1,000
 1,001 – 5,000
 Melebihi 5,000

*Catatan : Data kematian adalah kumulatif sejak 5 November 2024



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

2/44

PERINCIAN MENGIKUT DAERAH

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Pasir Mas	61	8,730	25,826	Meningkat
	Tumpat	26	4,159	13,429	Meningkat
	Kota Bharu	42	3,425	11,826	Meningkat
	Pasir Puteh	32	2,500	8,393	Meningkat
	Kuala Krai	43	1,747	6,011	Meningkat
	Machang	24	1,560	5,734	Meningkat
	Bachok	14	1,693	5,674	Meningkat
	Tanah Merah	28	1,461	4,859	Meningkat
	Jeli	9	183	678	Meningkat
	Gua Musang	1	6	30	Menurun
	JUMLAH	280	25,464	82,460	Meningkat
Terengganu	Besut	112	3,970	14,795	Meningkat
	Hulu Terengganu	60	2,027	6,505	Meningkat
	Setiu	53	1,593	5,937	Meningkat
	Dungun	41	1,049	3,873	Meningkat
	Kemaman	27	1,035	3,728	Meningkat
	Kuala Terengganu	9	259	992	Menurun
	Marang	9	203	767	Meningkat
	Kuala Nerus	5	157	574	Baharu
	JUMLAH	316	10,293	37,171	Meningkat
Kedah	Kubang Pasu	16	790	2,474	Meningkat
	Kota Setar	11	679	2,294	Meningkat
	Padang Terap	11	384	1,287	Menurun
	Sik	8	339	1,081	Meningkat
	Pokok Sena	4	177	585	Meningkat
	Kuala Muda	5	52	178	Meningkat
	JUMLAH	52	2,421	7,899	Meningkat

* Trend : Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

3/44

PERINCIAN DATA BENCANA MENGIKUT DAERAH

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Negeri Sembilan	Tampin	12	411	1,539	Menurun
	Kuala Pilah	4	144	404	Menurun
	Jempol	4	73	289	Menurun
	Port Dickson	1	5	17	Menurun
	JUMLAH	21	633	2,249	Menurun
Perlis	Perlis	4	147	518	Menurun
	JUMLAH	4	147	518	Menurun
Selangor	Klang	2	105	475	Meningkat
	JUMLAH	2	105	475	Meningkat
Johor	Tangkak	3	92	307	Meningkat
	Segamat	6	39	131	Meningkat
	JUMLAH	9	131	438	Meningkat
Melaka	Alor Gajah	4	36	123	Meningkat
	Jasin	1	26	95	Meningkat
	Melaka Tengah	1	3	13	Tidak Berubah
	JUMLAH	6	65	231	Meningkat
Perak	Kerian	1	7	20	Tidak Berubah
	JUMLAH	1	7	20	Tidak Berubah
JUMLAH KESELURUHAN		691	39,266	131,461	Meningkat

* Trend : Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

4/44



SITUASI TERKINI

- Sehingga **30 November 2024, jam 12.00 tengah hari**, terdapat **36 daerah** di **sembilan (9) negeri** (Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan, Perlis, Selangor, Johor, Melaka dan Perak) yang dilanda banjir dengan **peningkatan jumlah mangsa** kepada **131,461 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **84,597 mangsa** pada **29 November 2024**). Ia melibatkan **39,266 keluarga** yang ditempatkan di **691 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga bertambah berbanding **488 PPS** pada **29 November 2024**.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas** adalah **daerah Pasir Mas, Kelantan (25,826 mangsa)**, **daerah Besut, Terengganu (14,795 mangsa)** dan **daerah Tumpat, Kelantan (13,429 mangsa)**.
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan **Dashboard Bencana** yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Terdapat **empat (4) kematian** yang melibatkan **satu (1) lelaki dewasa di Pasir Puteh, Kelantan (27 November 2024)**, **satu (1) lelaki dewasa di Machang, Kelantan (27 November 2024)**, **satu (1) lelaki dewasa di Kapit, Sarawak (27 November 2024)** dan **satu (1) lelaki dewasa di Besut, Terengganu (28 November 2024)** direkodkan setakat ini.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **29 November 2024** adalah **Besut, Terengganu (566.1 mm)**, **Pasir Puteh, Kelantan (476.3 mm)** dan **Setiu, Terengganu (450.4 mm)**. **Jumlah hujan harian tertinggi** pada **29 November 2024** daripada **Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)** adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Berdasarkan analisis model-model cuaca terkini, cuaca di rantau negara dijangka bertambah baik mulai awal Disember 2024 disebabkan **kelajuan luruan monsun** dan **intensiti hujan mulai berkurangan**.
- MET Malaysia telah menurunkan taraf Amaran Hujan Berterusan di **beberapa daerah di negeri Kelantan dan Terengganu** kepada peringkat **Buruk** yang berkuat kuasa **sehingga 1 Disember 2024**. Selain itu, MET Malaysia juga telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan peringkat **Waspada** melibatkan **beberapa daerah di Kelantan, Terengganu dan Perak** yang berkuat kuasa **sehingga 1 Disember 2024**.
- Diramalkan bermungkinan berlaku **luruan monsun seterusnya bermula pada 6 - 9 Disember 2024** yang berpotensi menyebabkan hujan berterusan di timur Semenanjung.



IMPAK

- Anggaran bilangan rumah yang masih terkesan pada **30 November 2024** adalah sebanyak **39,266 buah rumah**.
- Berdasarkan rekod kawasan **hotspot** dan cerun kritikal Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada **30 November 2024**, terdapat kawasan yang berisiko mengalami tanah runtuh di kawasan yang sedang dilanda banjir, iaitu di **Terengganu** melibatkan daerah **Kemaman** (*Hotspot* Tanah Runtuh manakala Cerun Kritikal : Shell Kijal, Dewan Seri Ammar, Gereja Chukai, Klinik Desa Bukit Mentok, Kuarters Polis Bukit Mentok, Jalan Masjid Geliga dan Perumahan Bukit Jakar).
- Manakala di negeri **Kelantan** di daerah **Kuala Krai** (Cerun Kritikal; Kg Kala Baru, Kg Sri Berangan, Kg Slow Temiang) **Jeli**, (Cerun Kritikal: Kg Berdang, Gunung Reng). **Tanah Merah** mempunyai Hospot Tanah Runtuh, **Gua Musang** (*Hotspot* Tanah Runtuh: Gua Musang; Cerun Kritikal: Masjid Lojing, Bukit Batu Kapur Gua Panjang, Taman Wira Perdana, Stor MDGM sebelah Kuarters Guru, Taman Cengal Bandar Utama, Gunung Swettenham, Gua Madu, Pusat Rekreasi Tanah Puteh, KM1 Jalan KB- Gua Musang, Gudang Hardware, Kuil Bukit Batu Kapur, Taman Akasia Utama, Kg. Serasa, Tapak Cadangan kedai Gunung Swettenham, Kg Tanah Puteh, Taman Wira Perdana (Lot kedai), Kuarters Guru, Hospital, KM5 Jalan Jelawang-Jeli, Rumah Setinggalan).
- Di negeri **Kedah**, daerah **Alor Setar** (Cerun kritikal: gunung keriang), **Kuala Muda** (Cerun kritikal: SK. Bukit Meriam, SJC Chung Hwa). **Pahang** di daerah **Cameron Highland** (*Hotspot* dan cerun kritikal). **Perlis** (cerun kritikal: taman mutiara, kediaman KAPTM (UNIMAP), Taman Bukit Kayangan dan SK. Chuping. **Negeri Sembilan** di daerah **Tampin** (Cerun Kritikal : Taman Desa Permai Repah)
- Berdasarkan rekod tanah runtuh JMG MTL 2024-2025 sehingga **29 November 2024**, terdapat **satu (1) rekod tanah runtuh baharu**, iaitu di **Terengganu (Kampung Bukit Apit, Hulu Terengganu)** yang melibatkan **2 kematian dan 1 cedera**. Kumulatif kejadian tanah runtuh sepanjang MTL adalah sebanyak **lima(5) kejadian**.



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

5/44

IMPAK

- Berdasarkan laporan oleh **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** sehingga **30 November 2024 jam 8.00 pagi**, **169 sekolah terjejas banjir**, iaitu di Kelantan sebanyak **81 sekolah** yang melibatkan 67 sekolah rendah, 13 sekolah menengah, 1 pusat anak permata negara. Di **Terengganu sebanyak 61 sekolah** yang melibatkan 45 sekolah rendah, 16 sekolah menengah. Di Sarawak **10 sekolah rendah**, **Kedah 9 sekolah rendah**, **Selangor 3 sekolah rendah**, **Negeri Sembilan 2 sekolah rendah** dan **Pahang 3 sekolah rendah**.
- Terdapat **367 institusi pendidikan** masih dijadikan PPS yang melibatkan **305 sekolah rendah**, **61 sekolah menengah** dan **1 sekolah vokasional** di Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Johor dan Pahang.
- Manakala **14,499 orang murid dan guru/pegawai** masih berada di PPS di **seluruh negara**, iaitu **14,079 murid**, **338 guru/AKP** dan **82 pegawai berada di PPS Premis Sekolah**. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Kelantan (11,933 orang), Terengganu (1,209 orang), Kedah (913 orang), Negeri Sembilan (267 orang), Perlis (86 orang), Selangor (27 orang), Johor (22 orang), Melaka (19 orang), Pahang (19 orang) dan Perak (4 orang).
- Setakat **30 November 2024**, susulan hujan dan diikuti banjir di **beberapa daerah di Kelantan, Kedah dan Terengganu**, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menutup bekalan di beberapa pencawang elektrik seperti di **Lampiran 5** bagi memastikan keselamatan para pengguna setempat.
- PPS yang terjejas bekalan elektrik di daerah yang dilanda banjir ialah **SK Gual Sitok, SK Kedai Tanjong & Balai Raya Sg Tasan Kuala Pertang, PPS SK Gual To' Deh, PPS SMA Kg Bangor, SK Bedal, SK Kuala Nal, SMA Banggol Setol, Balai Raya Padang Kijang**.
- Tindakan-tindakan yang telah diambil di daerah yang dilanda banjir ialah pemasangan genset di kawasan yang selamat.
- Terdapat **4 PPS di Kelantan** yang **terjejas bekalan elektrik** dengan pembekalan elektrik dari sistem grid sepenuhnya dan **mobile genset** akan digunakan sekiranya perlu, iaitu di PPS SK Gual Sintok, SK Gual Periuk, PPS SK Gual To' Deh dan SK Kedai Tanjong Pasir Mas.
- Pihak TNB akan menutup bekalan elektrik sekiranya keadaan banjir bertambah buruk, berisiko serta membahayakan keselamatan. Penutupan bekalan elektrik akan dilakukan di pencawang elektrik yang terlibat bagi mengelakkan sebarang kemalangan atau kehilangan nyawa.

- Berdasarkan laporan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** pada **30 November 2024**, terdapat **73 fasiliti kesihatan** terjejas banjir, iaitu 49 di **Kelantan (21) Pasir Mas**, tujuh (7) **Tumpat**, enam (6) **Kuala Krai**, lima (5) **Tanah Merah**, tiga (3) **Machang**, tiga (3) **Pasir Puteh**, dua (2) **Bachok**, dan dua (2) **Kota Bharu**, 23 di **Terengganu** (sembilan (9) **Hulu Terengganu**, lapan (8) **Besut**, empat (4) **Setiu**, satu (1) **Dungun**, dan satu (1) **Marang** dan satu (1) di daerah **Sik, Kedah**.
- Daripada **jumlah 73 fasiliti kesihatan** ini, 37 adalah **Klinik Desa (KD)**, 18 adalah **Klinik Kesihatan (KK)**, 10 adalah **Klinik Pergigian (KP)**, empat (4) **hospital**, tiga (3) **Pejabat Kesihatan Daerah** dan satu (1) adalah **Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)**. Sebanyak **31 fasiliti kesihatan beroperasi**, manakala **39 fasiliti kesihatan berpindah perkhidmatan kesihatan ke fasiliti alternatif** dan **tiga (3) fasiliti henti operasi sepenuhnya**.
- Berdasarkan laporan oleh **Jabatan Kerja Raya (JKR)** pada **30 November 2024 jam 10.00 pagi**, terdapat **241 lokasi** jalan yang terjejas disebabkan oleh bencana yang melibatkan **79 jalan persekutuan** dan **162 jalan negeri**. Sebanyak **(199)** melibatkan banjir, **(26)** banjir kilat, **(9)** cerun runtuh, **(5)** jalan runtuh dan **(2)** jalan mendap. Pecahan lokasi mengikut negeri adalah **Terengganu (95)**, **Kelantan (84)**, **Kedah (50)**, **Negeri Sembilan (8)**, **Selangor (3)** dan **Perak (1)**. Maklumat terperinci di **Lampiran 5**.
- Maklumat yang disediakan oleh pihak JKR berhubung **jalan yang ditutup** dan **penyediaan jalan alternatif** di kawasan yang dilanda banjir sehingga **30 November 2024, jam 10: pagi** adalah seperti di **Lampiran 6**.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sehingga **29 November 2024**, terdapat **83 stesen pemancar telekomunikasi** di seluruh negara terjejas akibat banjir, iaitu di **Kelantan (72)**, **Pahang (2)**, **Terengganu (8)** dan **Johor (1)**.
- Secara keseluruhan **159 stesen pemancar** telah terjejas di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor. 35 daripadanya telah beroperasi sepenuhnya, manakala 124 lagi masih belum beroperasi. Pecahan negeri terjejas adalah **144 Kelantan**, **12 Terengganu**, **2 Pahang** dan **1 Johor**.
- Tiada kes yang dilaporkan oleh pemberi perkhidmatan kepada MCMC mengenai insiden melibatkan infrastruktur komunikasi yang mengancam keselamatan orang ramai. Namun pihak MCMC dan pemberi perkhidmatan setiasa berwaspada dan menerima aduan dari orang awam dan mana-mana pihak sekiranya ada kes yang melibatkan ancaman keselamatan infrastruktur komunikasi untuk diambil tindakan selanjutnya.



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

6/44



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- Peruntukan untuk menguruskan bencana telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan.
- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaras semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **2,158,743 mangsa** di seluruh negara. Pecahan bilangan dan kategori PPS di setiap negeri adalah seperti di **Lampiran 7**.
- **63 orang** kekuatan tambahan **kakitangan dan Sukarelawan JKM** di Putrajaya membantu **agihan barang** dan **pendaftaran** serta pengurusan di PPS.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi dan **logistik & fasiliti penyimpanan bantuan bencana** yang disediakan oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 8**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah makanan berbungkus (*packed food*) dan bantuan gotong royong dengan kebenaran JPBD dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti *hygien kit*, kit keluarga dan *refreshment kit*.
- JKM juga memperkenalkan makanan retort sebagai makanan pemula kepada mangsa yang berpindah ke PPS.
- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2024/2025.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 9**.

- Penambahan anggota dan aset pasukan penyelamat dari negeri-negeri lain ke negeri Kelantan dan Terengganu telah dilaksanakan bagi membantu kedua-dua negeri tersebut menghadapi banjir.
- NADMA telah mengaktif dan mempengerusikan **Mesyuarat Penyelaras Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat** bersama semua PKOB negeri yang terlibat dengan banjir MTL, agensi teknikal dan agensi tindak balas bagi memastikan bencana banjir dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan khususnya yang melibatkan pemindahan mangsa ke PPS serta keperluan dan kebajikan mangsa di PPS. Di antara keputusan utama mesyuarat PKOB Pusat yang bersidang pada hari ini adalah pembekalan makanan dan bahan mentah untuk memasak, C-Tent dan Kit Makanan Permulaan (KMP). Ini termasuklah pengumuman peruntukan darurat oleh pihak JKM.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Bermula Monsun Timur Laut MTL **28 November sehingga 29 November 2024**, terdapat **3 Badan Bukan Kerajaan (NGO)** yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah menyalurkan bantuan seperti **sumbangan ahli sukarelawan dalam membantu pelaksanaan kerja-kerja pengagihan bantuan** di beberapa negeri iaitu di **Terengganu, Kedah dan Sabah**. Sebahagian bantuan yang disalurkan oleh NGO ini juga adalah persediaan menghadapi bencana.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

- Tip Keselamatan Banjir :
 - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
 - ✓ Segera berpindah ke PPS yang disediakan apabila diarahkan;
 - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
 - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
 - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>



Lampiran 1

PROFIL TIGA (3) DAERAH YANG PALING TERUK TERJEJAS AKIBAT BANJIR MTL
BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA NADMA


BIL.	DAERAH	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN	JUMLAH ISI RUMAH	SEKOLAH	FASILITI KESIHATAN	JUMLAH HOTSPOT BANJIR
1.	Pasir Mas	230,424	54,924	45,128	83	33	217
2.	Besut	154,168	41,340	36,345	72	28	34
3.	Tumpat	179,943	42,113	34,817	48	31	38



Lampiran 2

JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI 29 NOVEMBER 2024

BIL	NEGERI	DAERAH	STESEN	TOTAL (mm)
1	TERENGGANU	Besut	FELDA Tenang, Besut, TERENGGANU	566.1
2	KELANTAN	Pasir Puteh	LKIM Tok Bali, Pasir Puteh, KELANTAN	476.3
3	TERENGGANU	Setiu	FELDA Chalok, Setiu, TERENGGANU	450.4
4	KELANTAN	Machang	Pejabat Veterinar Jajahan Machang, Machang, KELANTAN	439.5
5	KELANTAN	Pasir Puteh	MARDI Jeram Pasu, Pasir Puteh, KELANTAN	416.9
6	KELANTAN	Kota Bharu	Pejabat Pertanian Melor, Kota Bharu, KELANTAN	405.3
7	KELANTAN	Pasir Mas	Pst. Pertanian Pasir Mas, Pasir Mas, KELANTAN	389.3
8	TERENGGANU	Kemaman	Stesen Meteorologi Kerteh, Kemaman, TERENGGANU	371.2
9	TERENGGANU	Hulu Terengganu	Pengkalan Gawi, Hulu Terengganu, TERENGGANU	362.6
10	KELANTAN	Bachok	Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, KELANTAN	342.0





* Hanya 10 stesen meteorologi tertinggi dipaparkan



Lampiran 3

TABURAN HUJAN TERKUMPUL PADA 30 NOVEMBER 2024 DARI JAM 00:00 HINGGA 12:00





LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

10/44

Lampiran 4

STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMVER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI KELANTAN

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Melor di Jambatan Melor (F2)	Sungai Kemasin	Bachok	Menurun	9.61	6	7	8	9
Sg. Lanas di Air Lanas (F1)	Sungai Kelantan	Jeli	Menurun	30.51	27	28.5	29	29.5
Sg. Kelantan di Kuala Krai (F1)	Sungai Kelantan	Kuala Krai	Tiada perubahan	25.14	17	20	22.5	25
Sg. Kelantan di Kg. Temangan (F1)	Sungai Kelantan	Machang	Tiada perubahan	20.35	12	14	15.5	17.5
Sg. Golok di Rantau Panjang (F1)	Sungai Golok	Pasir Mas	Menurun	11.43	5	7	8	9
Sg. Semerak di Pasir Puteh (F1)	Sungai Semerak	Pasir Puteh	Menurun	4.48	0.4	2	2.3	3
Sg. Kelantan di Kusial (F1)	Sungai Kelantan	Tanah Merah	Menaik	18.58	10	12	14	16
Sg. Kelantan di Kusial Baru (F1)	Sungai Kelantan	Tanah Merah	Menaik	18.58	10	12	14	16
Sg. Golok di Kg. Jenob (F1)	Sungai Golok	Tanah Merah	Menaik	26.13	19	21.5	22.5	23.5
Sg. Golok di Kuala Jambu (F1)	Sungai Golok	Tumpat	Menurun	4.27	0.7	2	2.5	3
Sg. Kelantan di Kuala Besar (F1)	Sungai Kelantan	Kota Bharu	Tiada perubahan	1.82	1.3	1.5	1.7	1.85
Sg. Pahi di Kg. Pahi (F1)	Sungai Kelantan	Kuala Krai	Menurun	31	17.8	28	30	32
Sg. Galas di Chegar Lapan, Kelantan	Sungai Kelantan	Kuala Krai	Menaik	35.54	27	32	35	38
Sg. Semerak di Tok Bali (F2)	Sungai Semerak	Pasir Puteh	Menurun	2.33	0	1	2	3



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

11/44

STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMBER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI TERENGGANU

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Besut di Kg. La (F2)	Sungai Besut	Besut	Menurun	24.74	16.5	19.8	20.8	21.8
Sg. Besut di Jambatan Keruak (F2)	Sungai Besut	Besut	Menurun	36.53	28.5	33	34	35
Sg. Besut di Jambatan Keruak	Sungai Besut	Besut	Menurun	35.88	28.5	33	34	35
Sg. Besut di Kg. La	Sungai Besut	Besut	Menurun	23.7	16.5	19.8	20.8	21.8
Sg. Dungun di Kuala Jengai (F2)	Sungai Dungun	Dungun	Menurun	22.11	14	19.5	20	21
Sg. Dungun di Kuala Jengai	Sungai Dungun	Dungun	Menurun	21.4	14	19.5	20	21
Sg. Telemong di Kuala Ping (F1)	Sungai Terengganu	Hulu Terengganu	Menurun	22.26	16.5	17.7	18.7	19.7
Sg. Kemaman di Rumah Pam Paya Paman	Sungai Kemaman	Kemaman	Menurun	4.51	1.4	3	3.5	4
Parit Utama di Padang Kemunting (F1)	Sungai Terengganu	Kuala Nerus	Menaik	3.85	1.5	3.2	3.6	3.8
Sg. Nerus di Kg. Jeram	Sungai Terengganu	Kuala Nerus	Menurun	4.41	1	2	3.2	3.7
Sg. Terengganu di Muzium Terengganu (F1)	Sungai Terengganu	Kuala Terengganu	Menaik	2.97	0.5	1.6	2	2.4
Sg. Terengganu di Rumah Pam Pulau Bahagia (F1)	Sungai Terengganu	Kuala Terengganu	Menurun	4.47	1.5	2	3	4



STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMVER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI TEREANGGANU

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Marang di Jambatan Pengkalan Berangan	Sungai Marang	Marang	Menurun	3.57	1	2	2.4	2.7
Sg. Nerus di Kg. Bukit (F1)	Sungai Terengganu	Setiu	Menaik	15.07	6	10.5	12	13.2
Sg. Nerus di Kg. Langkap (F1)	Sungai Terengganu	Setiu	Tiada perubahan	21.9	17	19.5	20	21
Sg. Setiu di Jambatan Permaisuri	Sungai Setiu	Setiu	Menurun	9.67	5.5	7.6	8.3	8.8
Sg. Nerus di Kg. Bukit	Sungai Terengganu	Setiu	Menaik	15	6	10.5	12	13.2
Sg. Besut di Jambatan Jerleh	Sungai Besut	Besut	Tiada perubahan	8.47	2.3	6	7	8.5
Sg. Tersat di Kg. Sekayu (F1)	Sungai Terengganu	Hulu Terengganu	Menurun	20.14	18	19	20	21
Sg. Tumpat di Kg. Baru Kemasik	Sungai Kemasik	Kemaman	Menurun	2.19	1	1.6	1.9	2.7
Sg. Terengganu di Bukit Tumbuh (F1)	Sungai Terengganu	Kuala Terengganu	Menaik	2.18	0.5	1.6	2	2.5
Sg. Chalok di Jambatan Chalok	Sungai Setiu	Setiu	Menurun	8.22	6	7	7.7	8.4



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

13/44

STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMBER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI PAHANG

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Bera di Jam. Sg. Bera (F1)	Sungai Pahang	Bera	Menurun	28.31	21	24	25	26
Sg. Pahang di Waterfront (F1)	Sungai Pahang	Bera	Menurun	27.1	24	26	27	28
Sg. Luit di Kg. Subuh (F1)	Sungai Pahang	Maran	Menurun	26.04	24	25.5	26	27



STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMVER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI KEDAH

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Anak Bukit di Taman Aman	Sungai Kedah	Kota Setar	Menaik	3.93	1.5	2	2.3	2.6
Sg. Anak Bukit di Jambatan TAR	Sungai Kedah	Kota Setar	Menurun	2.23	1.3	1.4	1.5	1.7
Sg. Bata di Kg. Bata	Sungai Kedah	Kubang Pasu	Menurun	10.23	6.5	8.53	8.83	9.14
Sg. Laka di Kg. Padang Pasir (F2)	Sungai Kedah	Kubang Pasu	Menurun	22.06	18.5	21	21.3	21.6
Sg. Padang Terap di Kepala Batas	Sungai Kedah	Kubang Pasu	Menaik	5.34	1.5	3.5	3.59	3.8
Sg. Laka di Kg. Padang Pasir	Sungai Kedah	Kubang Pasu	Menurun	21.88	18.5	21	21.3	21.6
Sg. Melaka di Padang Matsirat (F2)	Sungai Melaka (Kedah)	Langkawi	Menurun	8.76	2.9	3.1	3.19	3.4
Kuala Nerang (F2)	Sungai Kedah	Padang Terap	Menurun	17.83	13	16.15	16.61	17.07
Empangan Ahning	Sungai Kedah	Padang Terap	Menurun	116.92	110	111.9	112.9	115.95
Sg. Perik di Kg. Perik	Sungai Kedah	Padang Terap	Menurun	16.14	9.8	13	13.5	14.2
Sg. Tanjung Pauh di Tanjung Pauh	Sungai Kedah	Kubang Pasu	Menaik	4.84	1.8	4.3	4.7	5.1
Sg. Pendang di Pekan Pendang	Sungai Kedah	Pendang	Menurun	2.66	1.8	2.2	2.5	2.7
Sg. Titi Kerbau di Kubur Panjang	Sungai Kedah	Pendang	Menurun	6.16	3.5	5.85	6	6.3



STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMBER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI SELANGOR

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Binjai di Pekan Meru	Sungai Klang	Klang	Menurun	4.24	2.8	3.8	4	4.2
Sg. Langat di Bukit Changgang	Sungai Langat	Kuala Langat	Menurun	4.26	1.9	3.3	3.8	4.2
Sg. Bernam di Rimba KDR	Sungai Bernam	Sabak Bernam	Menaik	2.42	1	1.7	2	2.3
Sg. Klang di Bandar Klang	Sungai Klang	Klang	Menaik	2.78	2.2	2.4	2.7	3
Sg. Langat di JPS Sg. Manggis	Sungai Langat	Kuala Langat	Menaik	2.95	0.5	2.2	2.7	3.2



STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMVER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI PERAK

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Bidor di Changkat Jong	Sungai Perak	Hilir Perak	Menaik	3.5	2	3.1	3.22	3.5
Sg. Rui di Jam, Jln. Raya Perak (RHN)	Sungai Perak	Hulu Perak	Menurun	165.77	165.1	165.4	165.5	165.9

STATUS ARAS AIR SEMASA DI NEGERI SEMBILAN

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Muar di Pekan Rompin	Sungai Muar (NS)	Jempol	Menurun	33.66	28	31	32	33
Sg. Gemencheh di Empang Sg. Dua	Sungai Muar (NS)	Tampin	Menaik	39.23	36.5	37.5	38.3	39
Sg. Gemencheh di Jalan Gemas-Rompin	Sungai Muar (NS)	Tampin	menurun	26.9	21	24.5	25.5	26.5



LAPORAN HARIAN BENCANA #03

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2024

17/44

STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMVER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI MELAKA

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Melaka di Melaka Pindah (F2)	Sungai Melaka	Alor Gajah	Menurun	12.34	10	11.3	11.48	11.9
Sg. Kesang di Rumah Pam Telok Rimba (F2)	Sungai Kesang	Jasin	Menurun	5.66	2.2	5	5.3	5.6
Sg. Siput di Kg. Sg. Siput (F2)	Sungai Linggi (Melaka)	Alor Gajah	Menurun	7.43	5	6	7	8
Pintu Air Klebang Besar D/S (F2)	Sungai Melaka	Melaka Tengah	Menaik	1.63	0.5	1.4	1.58	2



STATUS ARAS AIR SEMASA PADA 30 NOVEMVER 2024 PUKUL 7.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI JOHOR

Station Name	Main Basin	District	Trend	Current Value	Normal	Alert	Warning	Danger
Sg. Lenik di Ladang Chaah	Sungai Batu Pahat	Batu Pahat	Menurun	6.57	4.1	5	5.5	6
Sg. Kahang di Kg. Contoh	Sungai Endau	Kluang	Menaik	14.75	10	13.8	14.1	14.5
Sg. Muar di Kg. Awat	Sungai Muar	Segamat	Menurun	20.87	18	18.95	19.35	19.95
Sg. Paya Dato	Sungai Jemaluang	Mersing	Menurun	1.61	0	1	1.5	2
Sg. Kesang di Telok Rimba	Sungai Kesang (Johor)	Tangkak	Menurun	3.1	2.2	2.5	3	3.5



BILANGAN HEBAHAN AMARAN BANJIR
SEHINGGA 29 NOVEMBER 2024



NEGERI	BILANGAN RAMALAN AWAL	HEBAHAN AMARAN BANJIR
KELANTAN	3	4
TERENGGANU	3	8
PAHANG	4	0
PERLIS	2	2
KEDAH	2	3
PULAU PINANG	2	0
PERAK	2	1
SELANGOR	0	0
KUALA LUMPUR	0	0
NEGERI SEMBILAN	1	1
MELAKA	1	0
JOHOR	4	2
SABAH	3	0
SARAWAK	0	0
JUMLAH	27	21



Lampiran 5

PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK DI BEBERAPA PENCAWANG ELEKTRIK

BIL	NEGERI	DAERAH	KAWASAN
1	Kelantan	Kota Bahru	Taman Sri Kulim, Perumahan Hutan Pasir, aman Jaza Tok Hakim, Taman Pinggiran Atira, Tmn Murni Perdana, Kg Parit, Tmn Sri Guntung.
		Machang	Wakaf Indah, Kg Tandak, Lubok Jong, Taman Desa Wirajaya, Belukar Panjang, Kuala Wel, LSS Machang, Paloh Rawa, Pam Air Kelaweh, Tok Kaya, Kerawang, Laha, Bandar Sri Aman, Kg Bunchit, Tmn Kasa Mewah, Chekok, Kg Bagan, Pangkal Nering.
		PASIR MAS	Gelang Mas, Kg Kolam, Kg Apa-Apa, Pengkalan China, Meranti, Pusat Kesihatan Meranti, Jenerih, Loji Air Meranti, Machang Gocoh Luar, Serongga, Gual Pinang, Merbau Serongga, Gual Sitok, Tg Erat, Padang Nyior, Air Teniat, Lubok Setol, Kubang Rambutan, Banggol Kulim, Kok Pauh, Degong, Kg Rahmat, Limau Purut, Balai Polis Lubok Setol, Gual Tambun, Lubok Setol, Gual Dalam, Bandar Baru Pasir Mas, PPR Pasir Mas, Kg Atas Genting, Tmn Sri Naim, Kubang Jong, Kusar, Tmn Seri Mas, Tmn Desa Asyraf, JPT Repek, Perumahan Rakyat Risdan, Tmn Bej Puncak Nering, Gual Nering, JPS Bendang Guchil, Gual Sitok, Penggu, Perol Raja, PPAM Sri Kantan, Kuin Merah, Kubang Kual, Bukit Tandak, Gertak, Gual Petai Beruk, Gual Bunut, Gual Laksa, Tmn Jintan KB VI, Gual Kulim, Tmn SL Panglima, Tmn Alia Puteri, Pakda, Jelor, Pak Kelong, JPS Pak Kelong, Kubang Besar, Rong Chenok, Mahligai, Bujuk, Kubang Agil, Gabus, Kg Baru, Paloh, Taman Lati, Taman Megah Lagenda, Tmn Megah Kepas, Banggol Jering, Pohon Tanjung, Bakong, Kubang Tembakan, Gading, Merbau, Pam Tok Rusa, Loji Air R. Panjang, Senior Meranti, Meranti Besar, Bandar Rantau Panjang, Bongor, Tok Sangkut Jejawi, Gual Periok, Tmn Gemilang GP, JPS Pengkalan rakit, Tasik Berangan Tersang, Bukit Lata, Gual Tok Deh, Tmn Puncak Nering, Gual Mesa, Kg Mesa, Kebakat, Kedap, Tmn Rantau Jaya, Tasek Permai, Putat, Padang Licin, Tmn Rantau Baru.
		Kuala Krai	Taman Warisan, Sg Tasang, Loji Air Tualang, Bunut Saih, loji Air Pahi, Loji Air Keroh, Loji Air Kuala Nal, Pasir Era, Pasir Kelang Lama, Kuala Nal, Sg Takur, Pasir Kelang, Buyong, Ladang Takur, Keluat, Bukit Langsat, Tmn Sri Damai, Bedal, Bukit Sireh, Sutera Indah, Bukit langsat, Pak Jelak.
		Pasir Puteh	BELB Sg Gali, Pum DPS, Yik Tualang Tinggi, Tmn Jelor, Taman Puspajaya, Taman Islamic Village, Tmn Bukit Intan, Tmn Teratai, Kg Baru, Kg Padi Gong Kubur, Gong Kual, Arked Mara.
		Tanah Merah	Padang Kijang, Kg Panjang, Chekok Ipoh.
		Tumpat	Pam Teluk Jering, Kg Sawa, Kg Jelujok, Kajang Sebidang, Bendang Pak Yong, Pisau Raut, Simpangan, Rumah Pam Simpangan, Padang Mandul, Jal Besar, Pam Bendang Ana, Telok Jering, Jal Kecil, Cherang Melintang, JPS Pengkalan Nangka, Tmn Seri Bayu, Pak Keral.
		Bachok	Kg Budi, Jejulok, Kg Nangka, kg Berhala, Tmn RG Idaman, Tmn Setia Surya, Tmn Pinggiran Aril, Hj Sharkam, Alur Ganu, Padang Siam, Gong Redang, Telaga Ara, Cengal, Beoh, Warisan telong, Bakong, Kubang Berulat, Kg BanarGong Kapas, Gong Tungai, Hj Boweh, Bekelam.



BIL	NEGERI	DAERAH	KAWASAN
2.	Kedah	Sik	JPS Padang Chicar, Kuala Jeneri, Kampung Langguk
		Kuala Nerang	Kg Semeliang
		Alor Setar	Kg Bukit Derang, Bukit Hijau, Kg Empa, Kg Teras, Hanger Baru, Alor Madi, Pulau Kerengga, Rumah Pan Alor Gunung
3.	Terengganu	Marang	Panji Alam



Lampiran 6

MAKLUMAT SITUASI JALAN YANG DITUTUP DAN JALAN ALTERNATIF UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

JKR Malaysia : LAPORAN BENCANA PADA 30/11/2024 @ 10:00 AM

BIL.	DAERAH	NO. LALUAN	SEKSYEN	TARIKH KEJADIAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN (Landmark)	JENIS KEJADIAN	JALAN ALTERNATIF	STATUS LALUAN
Terengganu									
1	Besut	84	7.8 - 7.9	27/11/2024	Jalan Jerleh - Kuala Besut	Pejabat Meteorologi	B		B1
2	Besut	FT003	653 - 656	27/11/2024	FT03, JALAN KUALA TERENGGANU - KOTA BHARU	Kg Padang Landak	B		B1
3	Besut	FT189	11.4 - 12.4	27/11/2024	Jalan Jerleh/Kuala Besut	Kg Nangka	B		B3
4	Besut	FT189	13 - 13.3	27/11/2024	Jalan Jerleh/Kuala Besut	Kg Lampu	B		B3
5	Besut	T	1.0 - 1.0	28/11/2024	Kampung Tandak	Jalan Tandak	B		T
6	Besut	T	1.4 - 1.4	26/11/2024	N/A	Kg Pengkalan Setoi	JR		T
7	Besut	T	1.7 - 2	27/11/2024	N/A	Kg. Anak Musang (Jalan Padang Lengkuas / Anak Musang)	B		B3
8	Besut	T	1.7 - 2.0	27/11/2024, 28/11/2024	N/A	Kg. Anak Musang (Jalan Padang Lengkuas / Anak Musang)	B		B3
9	Besut	T	3.8 - 3.9	27/11/2024	N/A	Kg. Keluang (T150 Kg. Raja/Kg. Keluang)	JM		T
10	Besut	T05	0.1 - 0.2	28/11/2024	Jerleh / Keruak	Jalan Bawah Jambatan Jerleh	B		T
11	Besut	T05	2 - 2.1	28/11/2024	Jerleh / Keruak	Jalan Kg. Cherang Meliling	B		B3
12	Besut	T05	2 - 2.2	28/11/2024	Jerleh / Keruak	Jalan Kg. Cherang Meliling	B		B3
13	Besut	T05	2.0 - 2.0	28/11/2024	JLN JERTEH / KERUAK	Jalan Kg Cerang Meliling	B		B3
14	Besut	T05	2.0 - 2.1	28/11/2024	Jerleh / Keruak	Jalan Kg. Cherang Meliling	B		B
15	Besut	T05	2.3 - 2.7	27/11/2024	JLN JERTEH / KERUAK	Kg. Lubuk Kawah	B		B
16	Besut	T05	2.3 - 2.8	27/11/2024	Jerleh / Keruak	Kg. Lubuk Kawah	B		B



MAKLUMAT SITUASI JALAN YANG DITUTUP DAN JALAN ALTERNATIF UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

BIL.	DAERAH	NO. LALUAN	SEKSYEN	TARIKH KEJADIAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN (Landmark)	JENIS KEJADIAN	JALAN ALTERNATIF	STATUS LALUAN
17	Besut	T05	2.3 - 2.9	28/11/2024	Jerteh / Keruak	Kg. Lubuk Kawah	B		B
18	Besut	T154	0.2 - 0.5	27/11/2024	Jalan Lampu / Tok Saboh	Jalan Alor Teratai	B		B
19	Besut	T157	0.0 - 0.4	28/11/2024	N/A	Kg. Lampu (T157 Alor Lintah / Kg. Pinang / Kg. Mak Ka)	B		B
20	Besut	T157	0.6 - 1.0	28/11/2024	N/A	Kg. Lampu (T157 Alor Lintah / Kg. Pinang / Kg. Mak Ka)	B		B3
21	Besut	T163	6.7 - 6.8	28/11/2024	Jalan Pelagat / Lata Tembakah	Jalan Pelagat	B		T
22	Besut	T163	7.5 - 7.75	27/11/2024	Jalan Pelagat / Lata Tembakah	Jalan Pelagat	B		T
23	Besut	T164	0 - .9	28/11/2024	ALOR LINTAH / LAPAN KOTAK	Kg. Alor Lintah	B		B
24	Besut	T164	0.0 - 0.1	27/11/2024	ALOR LINTAH / LAPAN KOTAK	Kg. Alor Lintah	B		B
25	Besut	T164	0.0 - 0.7	27/11/2024, 28/11/2024	ALOR LINTAH / LAPAN KOTAK	Kg. Alor Lintah	B		B
26	Besut	T164	0.0 - 0.8	28/11/2024	ALOR LINTAH / LAPAN KOTAK	Kg. Alor Lintah	B		B
27	Dungun	FT003	465.30 - 465.30	29/11/2024	JALAN KUANTAN - KUALA TERENGGANU	hospitan baru dungun	B	Jln Kuala Terengganu/Laluan Persekutuan 3/AH18	B2
28	Dungun	FT128	7.80 - 7.81	28/11/2024	Jalan Jerangau/Jabor -Jongkok Batu		B		B2
29	Dungun	FT14	108.0 - 108.1	29/11/2024	JALAN JERANGAU-JABOR	JPJ Bukit Besi	B	Jalan Bukit Besi - Dungun/Laluan 132	B3
30	Dungun	FT14	114.00 - 114.40	28/11/2024	JALAN JERANGAU-JABOR	Kg.Dendang	B		B
31	Dungun	FT2684	9.0 - 9.0	28/11/2024	JLN JONGGOK BATU - KUALA JENGAI	Jongkok Batu	B		B3
